



How to cite this article:

Mohd Noor, N. & Che Soh, M. (2025). Kesyediaan golongan miskin tegar merebut trend baharu di Malaysia menerusi ekonomi gig: satu tinjauan di Cheras, Kuala Lumpur. *Journal of Economics and Sustainability*, 7(1), 1-18.
<https://doi.org/10.32890/jes2025.7.1.1>

KESEDIAAN GOLONGAN MISKIN TEGAR MEREPUT TREND BAHARU DI MALAYSIA MENERUSI EKONOMI GIG: SATU TINJAUAN DI CHERAS, KUALA LUMPUR

¹Norazam Mohd Noor & ²Mazlan Che Soh

¹Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia

²Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

²Governance and Policy Study (GaPs), Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

²*Corresponding author: mazlan3161@uitm.edu.my*

Received: 19/3/2024

Revised: 20/9/2024

Accepted: 21/10/2024

Published: 31/01/2025

ABSTRAK

Kemajuan teknologi maklumat terutamanya dengan adanya internet telah mengubah cara hidup manusia. Selain digunakan untuk pelbagai manfaat, internet juga mempengaruhi sektor perniagaan. Kini, perniagaan secara dalam talian telah mewujudkan potensi besar untuk diteroka. Justeru, di sinilah ekonomi gig memainkan peranannya, dengan memanfaatkan teknologi digital. Kajian ini memfokuskan tiga objektif iaitu pertama, menyelidik dan mendapatkan maklumat balas kumpulan rentan yang terdiri daripada kumpulan miskin bandar berkaitan sikap dan penerimaan mereka terhadap ekonomi gig. Objektif kedua adalah untuk memahami isu, halangan serta cabaran yang dihadapi oleh kumpulan ini dalam menyertai ekonomi gig, dan objektif kajian yang terakhir adalah mengumpulkan cadangan daripada mereka terhadap rancangan kerajaan untuk memajukan ekonomi gig. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis kandungan dan temu bual kumpulan berfokus. Dapatan kajian mendapati secara umumnya informan menunjukkan sikap dan penerimaan positif terhadap usaha kerajaan Malaysia untuk memajukan ekonomi gig di Malaysia. Terdapat beberapa isu telah diketengahkan, antaranya akses kepada internet, kemahiran perniagaan secara dalam talian, persaingan serta kos. Beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya meningkatkan akses internet, gesaan kepada kerajaan untuk mempromosikan ekonomi gig secara meluas dan bersasar, serta menyediakan insentif khusus kepada kumpulan rentan. Kajian ini sekali gus menyokong usaha kerajaan Malaysia untuk melaksanakan satu dasar yang lebih menyeluruh dalam aspek kawal selia ekonomi gig. Diharapkan kerangka dasar ini dapat membantu memacu ekonomi rakyat, selain menyokong kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat dengan memaksimumkan manfaat teknologi digital dan ekonomi gig.

Kata Kunci: Ekonomi gig, kemiskinan, miskin bandar, teknologi digital, Malaysia.

ABSTRACT

The advancement in information technology, particularly with the advent of the internet, has transformed lives globally. Not only being utilised for various purposes, but the internet has also been a great influence on business sectors. Therefore, now online business has created significant potential to be explored. Subsequently, the gig economy has vital role utilizing the existence of digital technology. To analyse the acceptance among urban poor towards gig economy in Malaysia, this study has three main objectives. Firstly, to examine feedback from vulnerable groups, including the urban poor, regarding their attitudes and acceptance of the idea behind the gig economy. Secondly, to understand the issues, obstacles, and challenges faced by these groups in participating in the gig economy. Lastly, to gather suggestions and recommendations from them. This study employs a qualitative method based on content analysis and focused group interviews. The findings indicate that informants show a positive attitude and acceptance towards the Malaysian government's efforts to promote the gig economy among the urban poor. However, several issues have been highlighted, including limited internet access, lack of online business skills, and costs. Several suggestions have been suggested, including increasing internet access, urging the government to promote the gig economy widely and providing specific incentives for vulnerable groups. This study also supports the Malaysian government's efforts to implement a more comprehensive policy in regulating the gig economy. It is hoped that this policy framework, will help boost the economy and assist the government in eradicating poverty among the urban poor by maximizing the digital economy and gig economy.

Keywords: *Gig economy, poverty, urban poor, digital technology, Malaysia.*

PENGENALAN

Apabila YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke-10, memperkenalkan konsep Ekonomi Madani, sebanyak tujuh Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah digariskan. Berdasarkan dasar baharu kerajaan ini, antara sasaran utama adalah untuk menghapuskan kemiskinan tegar serta mengembangkan ekonomi gig sebagai suatu cabang peluang ekonomi masa kini (Ibrahim, 2023a). Sehubungan itu, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) tampil ke hadapan untuk meneroka peluang-peluang penyertaan ekonomi gig bagi golongan miskin tegar. Langkah ini dianggap sesuai untuk golongan miskin tegar kerana tidak mensyaratkan sebarang kelulusan dan pengalaman pekerjaan, di samping berupaya menjana pendapatan tambahan dengan segera (Abdul Aziz, 2023).

Langkah ini turut diperkukuhkan melalui pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) di Dewan Rakyat. Antara komitmen tersebut adalah menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta bagi meningkatkan kemahiran pekerja tidak formal termasuk pekerja gig (Ibrahim, 2023b). Usaha ini boleh dianggap sebagai “serampang dua mata” yang membuka lebih banyak ruang penjana ekonomi kepada rakyat, di samping mengurangkan pergantungan negara kepada pekerja asing. Komitmen kerajaan untuk mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah, adalah selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 yang bertujuan membasmi kemiskinan (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 2023). Meskipun keprihatinan ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menangani kemiskinan di Malaysia, tahap kesediaan golongan rentan, terutamanya miskin tegar, perlu diteliti dengan lebih mendalam.

Justeru, kajian ini memfokuskan kepada sejauh mana golongan miskin tegar benar-benar bersedia untuk menyahut hasrat kerajaan. Menerusi kajian ini, tiga objektif kajian akan dicapai: pertama, menyelidik dan mendapatkan maklum balas kumpulan rentan yang terdiri daripada kumpulan miskin bandar terhadap sikap dan penerimaan mereka terhadap idea di sebalik ekonomi gig; kedua, memahami isu, halangan serta

cabaran yang dihadapi oleh kumpulan ini dalam menyertai ekonomi gig; dan yang terakhir, mengumpulkan cadangan serta saranan daripada mereka. Sebelum perbincangan dilanjutkan, adalah penting untuk artikel ini menerangkan aspek kemiskinan, ekonomi gig serta pelbagai inisiatif dan komitmen kerajaan.

KONSEP KEMISKINAN, EKONOMI GIG DAN INISIATIF KERAJAAN

Miskin dan Miskin Tegar

Kemiskinan merupakan suatu istilah universal yang digunakan secara meluas di seluruh dunia. Namun begitu, definisi tepat mengenai kemiskinan ini sering kali diperdebatkan (Gordon, 2006). Para sarjana mencadangkan pelbagai definisi kemiskinan berdasarkan aspek yang berkaitan dengan bidang kepakaran mereka. Secara umumnya, kemiskinan boleh ditakrifkan sebagai ketidakupayaan seseorang individu mencapai tahap minimum kesejahteraan material yang munasabah bagi memenuhi piawaian sesuatu masyarakat (Ravallion, 1992). Selain itu, kemiskinan juga berkait rapat dengan kelangsungan hidup, diukur berdasarkan jumlah pendapatan yang diperlukan untuk memperoleh pengambilan minimum makanan, barangan kepenggunaan, tahap kebajikan, atau utiliti yang diperlukan untuk menjalani kehidupan asas (Wagle, 2002).

Miskin tegar pula berkaitan dengan keadaan seseorang individu yang hidup dalam kemiskinan secara kekal atau dalam tempoh yang sangat lama. Hal ini disebabkan oleh dua faktor: mobiliti pendapatan yang terhad dan pertumbuhan ekonomi individu yang sangat perlahan (Bourgignon, 1999). Kehidupan dalam keadaan ini untuk tempoh yang lama boleh membahayakan serta merosakkan kehidupan mereka (Berma, 2023).

Walau bagaimanapun, kajian Jamil dan Che Mat (2020) berjaya menemukan titik persamaan bagi kedua-dua istilah ini, iaitu “keadaan kekurangan”. Rata-rata golongan miskin dan miskin tegar menghadapi kesukaran untuk memperoleh pendapatan secara konsisten, sukar untuk menaiki tangga sosial, serta mengalami kekurangan zat makanan. Menurut Bourgignon (1999), keterbatasan peluang menyebabkan golongan miskin ini terperangkap dalam situasi yang sama. Golongan miskin sukar mendapatkan pinjaman dana bagi menjalankan apa-apa perniagaan, serta gaji minimum yang diperoleh masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas mereka.

Kajian Siwar dan Ismail (2019) merumuskan beberapa punca utama yang mengekang kedua-dua golongan miskin ini daripada keluar daripada status semasa mereka. Isu yang dikenal pasti termasuk kurangnya keterlibatan pihak luar dan sikap golongan miskin sendiri seperti kurangnya penerimaan bantuan, usaha, pendidikan, dan pendedahan teknologi. Faktor lain termasuk kehilangan individu pencari rezeki, ketiadaan pekerjaan tetap, serta eksploitasi oleh orang tengah.

Dalam konteks Malaysia, statistik kemiskinan adalah dinamik dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Rekod terkini menunjukkan seramai 423,010 orang Ketua Isi Rumah (KIR) berada dalam kemiskinan. Daripada jumlah ini, seramai 310,423 orang KIR adalah golongan miskin dan seramai 112,587 orang KIR tergolong dalam kelompok miskin tegar. Pengkategorian kemiskinan ini adalah berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dikeluarkan pada 2019 (ICU JPM, 2023). Hasil daripada Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), nilai PGK diunjurkan meningkat kepada 17.26 peratus bagi golongan miskin dan 2.48 peratus bagi golongan miskin tegar (Astro Awani, 2023). Keadaan ini dijangka memberikan kesan kepada jumlah golongan miskin apabila PGK baharu dilaksanakan kelak. Jadual 1 menunjukkan perbandingan peningkatan PGK bagi golongan miskin dan miskin tegar.

Jadual 1

Perbandingan Peningkatan Kadar PGK 2019-2022

PGK	Miskin (RM)	Miskin Tegar (RM)
2019	2,208	1,169
2022	2,589	1,198
Peningkatan (%)	17.26	2.48

Sumber: ICU JPM (2023); Astro Awani (2023)

Ekonomi Gig

Ekonomi gig merupakan suatu frasa baharu di Malaysia. Perkataan “gig” sebenarnya diambil daripada istilah kumpulan muzik, yang diupah untuk membuat persembahan dalam jangka pendek (Lim, 2021). Menurut Brinkley (2016), masih belum ada definisi kukuh yang dapat menjelaskan secara terperinci mengenai ekonomi gig. Namun begitu, Brinkley (2006) mengemukakan penjelasan mudah mengenai ekonomi gig, iaitu sebagai pekerjaan bebas yang menyokong kelangsungan hidup dengan mengambil beberapa siri pekerjaan mudah, terutamanya apabila pekerjaan itu diatur menggunakan laman sesawang atau aplikasi dalam talian. Pekerja gig juga tidak menerima gaji tetap, tidak mempunyai sebarang kontrak secara implisit atau eksplisit, serta tidak mempunyai jadual kerja yang boleh dijangka (Abraham et al., 2019).

Pengkategorian pekerjaan gig ini bergantung pada dimensi pilihan dan pendapatan. Menurut Manyika et al. (2016), pekerjaan gig dapat dikategorikan kepada empat segmen pekerja gig, iaitu ejen bebas, pekerja sampingan, pekerja secara terpaksa, dan pekerja pelbagai. Ejen bebas bergantung sepenuhnya kepada ekonomi gig sebagai sumber pendapatan utama. Pekerja sampingan pula menjadikan ekonomi gig sebagai cara menjana pendapatan tambahan tetapi masih bergantung kepada pekerjaan hakiki mereka. Sebaliknya, pekerja secara terpaksa menjadikan ekonomi gig sebagai pendapatan utama walaupun lebih memilih pekerjaan tradisional. Selain itu, pekerja pelbagai merupakan kumpulan rentan yang memerlukan pekerjaan sementara bagi meneruskan kelangsungan hidup. Berdasarkan prinsip Tingkap Johari, kesemua pekerjaan gig ini disusun mengikut kategori pilihan dan pendapatan mereka (lihat Jadual 2).

Jadual 2

Empat Segmen Pekerjaan Gig

	Pendapatan Utama	Pendapatan Sampingan
	EJEN BEBAS	PEKERJA SAMPINGAN
Pilihan Keutamaan	• Pendapatan sepenuhnya daripada ekonomi gig. • Memilih bekerja secara bebas. • Contoh: Pempengaruh yang memasarkan produk dan perkhidmatan pelbagai syarikat.	• Pendapatan untuk tampung keperluan hidup. • Kebanyakan ialah pekerja tradisional, pelajar, pesara dan penjaga. • Contoh: Penulis sambilan yang menawarkan khidmat penyediaan teks ucapan bagi sesuatu majlis rasmi.

Pilihan Keperluan	PEKERJA SECARA TERPAKSA	PEKERJA PELBAGAI
	● Peroleh banyak pendapatan daripada ekonomi gig. ● Masih memilih untuk kekal dalam pekerjaan tradisional. ● Contoh: Pekerja teknikal yang menjalankan khidmat menservis pendingin hawa di rumah.	● Pendapatan gig untuk menampung kelangsungan hidup. ● Tidak memilih pekerjaan sementara untuk dijadikan sebagai pekerjaan hakiki. ● Contoh: Sesiapa sahaja yang menjalankan pelbagai kerja perburuan seperti potong rumput, buang sampah, pembantu dapur dan lain-lain lagi.

Sumber: Disesuaikan daripada Manyika et al. (2016)

Dalam pasaran ekonomi di Malaysia, pekerjaan gig banyak dikaitkan dengan perkhidmatan pengangkutan secara panggilan elektronik (*e-hailing*) dan perkhidmatan penghantaran barangan secara panggilan elektronik (*p-hailing*). Antara operator utama dalam bidang ini adalah seperti Grab, Foodpanda, Shopee, Lalamove, dan Tapaw. Bidang ini berkembang pesat akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan daripada pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak 2020 (Yaakob et al., 2020).

Namun begitu, ekonomi gig ini sebenarnya menawarkan lebih banyak bidang pekerjaan yang kurang diketahui umum. Sebagai contoh, platform PCari.my menawarkan beberapa bidang yang berkonsepkan pemberi upah (*hirer*) dan penerima upah (*gigger*). Antara bidang yang ditawarkan termasuk perkhidmatan selebriti, sukan, pekerja am, gaya hidup, profesional, perniagaan, penulisan, dan rekaan grafik (PCari, 2023). Inisiatif sebegini menunjukkan bahawa bidang ekonomi gig kini mula berkembang, membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Situasi pasca pandemik COVID-19 memperlihatkan dua isu yang perlu ditangani dengan menyeluruh. Pertama, penglibatan kerajaan dalam memperkukuh perlindungan sosial kepada pekerja gig. Kedua, penelitian semula terhadap peraturan semasa mengenai kondisi kerja bagi pekerja gig dan ketidaksamaan peluang penyertaan kumpulan masyarakat dalam ekonomi gig (Uchiyama et al., 2022). Dapatan kajian ini seharusnya memperluaskan lagi penyertaan pelbagai kumpulan masyarakat dalam ekonomi gig, khususnya golongan miskin tegar di Malaysia. Terkait dengan peluang pekerjaan, golongan miskin tegar sememangnya sangat sesuai menyertai segmen pekerja pelbagai kerana sifat bidang tersebut yang menawarkan pekerjaan yang mudah, bersifat sementara, dan upah yang segera.

Inisiatif Malaysia Menyokong Ekonomi Gig

Usaha Kerajaan Malaysia bagi membantu ekonomi gig bermula sejak tempoh pandemik COVID-19 dan berterusan hingga sekarang. Sebagai rekod, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35 bilion di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), yang kebanyakannya difokuskan kepada jaminan pekerjaan termasuk ekonomi gig (Bernama, 2020). Sehubungan itu, aspek perlindungan sosial kepada pekerja gig turut diberi perhatian. Satu pelan perlindungan, iaitu Program Dana Padanan Caruman Ekonomi Gig Platform (PenjanaGig), telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Melalui inisiatif ini, caruman perlindungan pekerja gig dibiayai sebanyak 70 peratus oleh Kerajaan, manakala bakinya ditanggung oleh platform penyedia perkhidmatan (PERKESO, 2023a).

Artikel ini akan membincangkan komitmen terkini kerajaan dalam mengembangkan ekonomi gig. Perbincangan ini berasaskan hala tuju baharu negara, iaitu Ekonomi Madani dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12. Berdasarkan kedua-dua dasar ini, komitmen kerajaan dalam menyokong ekonomi gig boleh dibahagikan kepada empat fokus utama, iaitu pengukuhan ekonomi digital, peningkatan penyertaan wanita dan belia, perlindungan sosial, serta peningkatan kemahiran kerjaya (lihat Jadual 3).

Jadual 3

Komitmen Baharu Kerajaan Menyokong Ekonomi Gig

Bil.	Komitmen	Ekonomi Madani	KSP RMKe-12
1.	Pengukuhan ekonomi digital	Galak lebih banyak syarikat pemula dalam bidang ekonomi digital.	- Fokus lahirkan lebih banyak tekno-usahawan tempatan. Geran RM266 juta disediakan. - Wujudkan program pengupayaan kepada syarikat Bumiputera terpilih. - Galak syarikat Bumiputera guna teknologi digital dalam pengurusan perniagaan. Dana RM40 juta disediakan melalui MARA.
2.	Peningkatan penyertaan wanita dan belia	Program latihan keusahawanan kepada wanita dan belia. Kemudahan pinjaman mikro RM400 juta melalui SME Corp, Tekun, MARA dan Teraju.	- Membangunkan Pelan Kebangsaan Pemerkasaan Ekonomi Belia untuk tingkat kebolehpasaran belia dalam sektor tidak formal. - Sokong wanita kembali bekerja. Disediakan kemudahan seperti pusat jagaan kanak-kanak mampu bayar dan subsidi yuran taska.
3.	Perlindungan sosial	Insurans kepada pekerja gig. Dana RM100 juta disediakan melalui PERKESO.	Menggerakkan program untuk basmi miskin tegar. Dana RM1.5 bilion disediakan.
4.	Peningkatan kemahiran kerjaya	Program Bina Kerjaya yang menumpukan peningkatan kemahiran. Dana RM42 juta disediakan untuk pekerja tidak formal, termasuklah pekerja gig.	Inisiatif sama seperti Ekonomi Madani.

Sumber: Disesuaikan daripada Ibrahim (2023a; 2023b)

Berdasarkan semua komitmen kerajaan ini, fokus pengukuhan ekonomi digital lebih menumpukan kepada keupayaan syarikat dan penyedia platform. Sebaliknya, fokus lain seperti peningkatan penyertaan wanita dan belia, perlindungan sosial, dan peningkatan kemahiran kerjaya lebih difokuskan kepada pembangunan kapasiti pekerja gig. Namun begitu, satu aspek penting nampaknya terlepas daripada perhatian kerajaan, iaitu penyediaan kemudahan awal seperti peralatan dan modal permulaan kepada pekerja gig. Artikel ini berpendapat bahawa aspek ini amatlah penting, khususnya untuk menggalakkan golongan miskin tegar menyertai bidang ekonomi gig. Mungkin, pendekatan terdahulu oleh Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), yang menyediakan dana pemula berjumlah RM600 kepada pekerja gig, boleh dijadikan rujukan (PERKESO, 2023b).

ULASAN KARYA

Perkembangan pesat dalam sektor teknologi maklumat telah menyumbang kepada pola perubahan, bukan sahaja dalam cara sesuatu proses kerja dijalankan, tetapi juga menghasilkan bentuk pekerjaan baharu di peringkat global. Pendapat ini disokong oleh penyelidik seperti Kenney dan Zysman (2016) serta Van Dijck et al. (2018), yang berpandangan bahawa kemajuan internet telah menghasilkan platform dalam talian sejak sedekad lalu, memberi kesan besar kepada sektor pekerjaan informal. Kemunculan pelbagai platform dalam talian ini telah meningkatkan pekerjaan secara kontinjen, keluwesan pasaran buruh, serta penyumberluaran kerja kepada pekerja bebas (Estlund, 2018; Hyman, 2018; Stanford, 2017). Platform dalam talian yang menghubungkan pasaran buruh secara fleksibel ini dikenali sebagai ekonomi gig (De Stefano, 2015; Frenken & Schor, 2017). Contoh platform terkenal yang menyediakan peluang dalam

ekonomi gig termasuk Uber, Grab, Gojek, dan sebagainya. Selain penyedia pengangkutan dan penghantar makanan, skop ekonomi gig adalah luas, termasuk perkhidmatan kerja jarak dilakukan (TaskRabbit), pembersihan (Helping), penjagaan (care.com), pengaturcaraan, dan penterjemahan (Upwork).

Pertumbuhan pekerja gig, meskipun mewakili sebahagian kecil pasaran buruh, telah menunjukkan kepesatan yang ketara. Beberapa kajian membuktikan golongan ini mewakili 20 peratus populasi pekerja di Amerika Utara (Angus Reid, 2019; Bracha & Burke, 2023; Glavin, Bieman & Schieman, 2021). Boston Consulting Group (BCG) dan Michael & Susan Dell Foundation, melalui laporan bersama, menunjukkan pekerja gig terus berkembang pesat, dengan firma berasaskan platform seperti Uber, Swiggy, Zomato, dan Urban Company semakin kukuh. Laporan tersebut menyatakan bahawa penglibatan dalam ekonomi gig lebih ketara di negara sedang membangun (5% hingga 12%) berbanding negara maju (1% hingga 4%) (Augustinraj & Bajaj, 2021). Laporan ini juga menyebut bahawa kebanyakan pekerja gig berasal daripada kumpulan berpendapatan rendah yang bekerja sebagai penghantar barang, "*ridesharing*," "*microtasks*," serta dalam sektor penjagaan dan kebajikan (Mishra, 2023).

Terdapat empat dimensi utama dalam membincangkan ekonomi gig, seperti yang dicadangkan oleh Koutsimpogiorgos et al. (2020). Dimensi pertama adalah penggunaan platform dalam talian berbanding perantaraan luar talian. Dimensi kedua ialah perbezaan antara kontraktor dan pekerja bermajikan. Dimensi ketiga melibatkan kerja berbayar berbanding kerja tidak berbayar, manakala dimensi terakhir adalah penyediaan perkhidmatan berbanding penyediaan barangan.

Berdasarkan literatur, penggunaan teknologi sebagai alat bagi membasmi kemiskinan bukanlah sesuatu yang baharu. Sebaliknya, teknologi telah diteroka secara meluas oleh banyak negara di dunia. China, contohnya, melalui penelitian oleh Dr. Jibran Ali Khan, menunjukkan bahawa lebih 800 juta populasi telah keluar daripada kemiskinan dalam empat dekad terakhir, hasil perancangan jangka panjang Kerajaan China melalui "Nations 2030 Plan for Economical Advancement." Fokus utama pelan ini melibatkan penggunaan web, "*cloud computing*," "*enormous information*," "*manufactured insights*," dan *blockchain* (Khan, 2023). China turut memanfaatkan kemajuan teknologi untuk meningkatkan e-dagang dalam sektor pertanian, mencatatkan lebih 13 juta kedai dalam talian pada tahun 2020 yang menyumbang kepada 1.9 trilion yuan (USD 280 juta), dengan pertumbuhan 8.6% setahun. Lebih 800 daerah di China telah diiktiraf sebagai "*e-commerce exhibit province*," menjadikan e-dagang sebagai komponen penting ekonomi (Khan, 2023).

Satu kajian oleh Lechman dan Popowska (2022) melibatkan 40 negara membangun menggunakan data daripada World Bank Development Indicators (2021) dan World Telecommunication/ICT Indicators Database (2020) untuk tempoh 1990 hingga 2019. Kajian ini membuktikan bahawa kemajuan dalam ICT menyumbang kepada pembasmian kemiskinan melalui pendidikan, pasaran buruh, pendapatan, dan aktiviti lain berkait ICT. Penggunaan digital ekonomi, yang menjadi asas kepada ekonomi gig, juga memainkan peranan utama di China. Zhang et al. (2021), melalui kajian mereka, mendapati penggunaan internet di China melibatkan 900 juta pengguna, menjadikannya alat utama dalam melawan kemiskinan. Kepesatan digital ekonomi di China didorong oleh "*Digital White Paper*."

The World Bank, dalam siaran akhbar bertarikh 7 September 2023 (World Bank, 2023), melaporkan bahawa ekonomi gig kini membentuk hampir 12 peratus daripada keseluruhan pasaran kerja dunia. Angka ini menunjukkan pertumbuhan yang jauh lebih tinggi berbanding anggaran sebelumnya. Lebih menarik lagi, ekonomi gig menjadi pilihan utama kalangan wanita dan belia di negara sedang membangun. Permintaan terhadap ekonomi gig terus berkembang pesat, meskipun aspek perlindungan sosial bagi kumpulan ini masih menjadi perdebatan (World Bank, 2023). Laporan bertajuk "*Working Without Borders: The Promise and Peril of Online Gig Work*", yang dihasilkan oleh World Bank, menunjukkan bahawa permintaan terhadap ekonomi gig berkembang pesat di negara-negara membangun.

Sebagai contoh, negara-negara di Sub-Saharan Africa merekodkan pertumbuhan pekerjaan dalam ekonomi gig sebanyak 130 peratus, manakala pertumbuhan di Amerika Utara hanya 14 peratus. Laporan itu juga mendapati hampir 60 peratus firma yang disoal selidik melaporkan peningkatan penyumberluaran kepada pekerja gig, dengan hampir separuh firma berada di negara maju. Laporan tersebut turut mendedahkan bahawa terdapat 545 platform dalam talian yang tersedia kepada pekerja gig di seluruh dunia, dengan pekerja dan pelanggan berada di 186 buah negara. Menariknya, lebih 40 peratus trafik ke platform gig ini berasal dari negara berpendapatan rendah dan sederhana. Hal ini jelas membuktikan bahawa usaha membangunkan platform digital untuk memperkasakan dan mempromosikan ekonomi gig sebagai strategi membasmi kemiskinan ialah langkah yang amat tepat pada masanya. Menurut Mamta Murthi, Naib Presiden bagi Human Development World Bank, menyatakan:

“Online gig work could provide people in low- and middle-income countries an additional path out of poverty,” ... “It can help address youth unemployment and it can support increased labor market participation for women. It can also help address inequalities in job opportunities across regions and—for entrepreneurs, startups and small firms—it can provide flexibility in hiring talent that is critical for business growth and job creation.” (World Bank, 2023)

Laporan yang dihasilkan oleh *The World Bank* menunjukkan bahawa golongan belia tertarik untuk menceburi ekonomi gig disebabkan beberapa faktor utama, antaranya bagi menambah pendapatan, mempelajari kemahiran baharu, serta menikmati fleksibiliti masa, dengan mengambil kira keperluan mengimbangi pembelajaran dan pekerjaan. Sebaliknya, penglibatan wanita dalam ekonomi gig adalah didorong oleh peluang untuk menyertai pasaran buruh, di mana enam daripada 10 pekerja gig tinggal di bandar kecil berbanding bandar besar. Keadaan ini selaras dengan hasrat membantu mereka yang berada di kawasan terpinggir.

Meskipun potensi besar dapat diwujudkan melalui ekonomi gig, laporan *The World Bank* turut membangkitkan beberapa cabaran. Di negara berpendapatan rendah, isu utama yang dihadapi termasuk peraturan buruh, akses terhad kepada insurans sosial, dan manfaat pekerjaan yang perlu diberikan perhatian. Satu lagi cabaran ialah jurang pendapatan antara jantina yang masih ketara, dengan wanita hanya memperoleh sekitar 68 peratus daripada pendapatan lelaki. Sesungguhnya, potensi ekonomi gig sangat luas dan wajar diberikan sokongan, sebagaimana disebut oleh Namita Datta, *Lead Author and Program Manager, Solutions for Youth Employment (SAYE), The World Bank*:

“Digital platforms can help increase the visibility of informal workers, supporting efforts to expand social protection coverage for all,” ... “By investing in digital infrastructure, partnering with digital platforms to provide support and training for workers, and experimenting with new social insurance, as well as collective bargaining models, developing countries can leverage this growing part of the labor market to create more opportunities, expand economic inclusivity, and increase prosperity for their people.” (World Bank, 2023)

Perkembangan ekonomi gig juga dilihat berlaku dengan pesat di Malaysia. Penemuan oleh EMIR Research pada tahun 2020 menunjukkan hampir 26 peratus tenaga kerja Malaysia (bersamaan dengan 4 juta *freelancer*) daripada keseluruhan 15.1 juta tenaga kerja terlibat dalam ekonomi gig (Business Today, 2022). Jolle Pang, Pengurus Besar FastJobs Malaysia, menulis di *Business Today* mengenai manfaat, cabaran, dan cadangan kepada kerajaan berhubung ekonomi gig. Beliau menyatakan bahawa manfaat

ekonomi gig termasuk kemampuan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan, terutama dalam kalangan wanita. Ekonomi gig juga membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos dalam kalangan industri kecil dan sederhana (IKS). Selain itu, ekonomi gig memberikan peluang terbaik kepada penduduk untuk menambahkan pendapatan.

Namun begitu, terdapat beberapa cabaran, antaranya ialah kekurangan promosi dan pendidikan berhubung ekonomi gig. Terdapat juga keperluan bagi meningkatkan kualiti data dan statistik berhubung ekonomi gig agar dasar dan peraturan dapat dirangka berdasarkan data yang tepat. Ekonomi gig perlu menjadi topik dalam dialog sosial di setiap peringkat antara pihak kawal selia, penggubal dasar awam, dan pekerja. Joelle mencadangkan agar kerajaan menghasilkan rangka kawal selia khusus untuk ekonomi gig. Selain itu, beliau juga mencadangkan agar pusat pembangunan kemahiran tempatan menawarkan kemahiran yang sesuai kepada pekerja gig, dan penggubal dasar sewajarnya bertindak sebagai pemudah cara dalam bengkel dan sesi libat urus dengan pelbagai pihak, termasuk IKS.

METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan temu bual kumpulan berfokus. Temu bual dilakukan dengan kumpulan informan yang telah dikenal pasti lebih awal yang terdiri daripada kategori miskin bandar. Bagi mendapatkan senarai informan ini, penyelidik telah berhubung dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Perdana Menteri. Data informan diperoleh melalui permohonan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan tersebut, yang berpanduan senarai individu berdaftar dalam eKasih. eKasih merupakan Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional, iaitu sistem rujukan tunggal maklumat kemiskinan nasional yang digunakan oleh semua kementerian/agensi. Dibangunkan secara dalaman oleh ICU JPM pada Januari 2008, eKasih telah dilaksanakan di seluruh negara mulai Jun 2008. Sistem ini berfungsi sebagai pangkalan data yang mengandungi maklumat seperti profil individu, program/bantuan diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR), serta permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program tersebut (ICU, 2024).

Sebaik sahaja permohonan diluluskan, senarai informan yang dilengkapi dengan maklumat seperti nama, alamat, jantina, bangsa, nombor telefon dan lain-lain disediakan. Penyelidik kemudiannya menghubungi informan yang berpotensi, dan akhirnya enam orang informan bersetuju untuk menyertai kajian ini. Sesi temu bual kumpulan berfokus telah diadakan di Dewan Serbaguna, PPR Sri Johor pada 16 Disember 2023, berlangsung selama lebih kurang 40 minit. Protokol temu bual dalam format separa struktur disediakan dengan soalan berbentuk terbuka (*open-ended responses*) bertujuan untuk mendapatkan maklum balas informan. Pengendali sesi juga melakukan “probing” bagi mendapatkan maklumat tambahan daripada informan.

Semasa sesi temu bual, penemu bual memulakan dengan memperkenalkan diri serta memberikan latar belakang kajian dan proses mendapatkan keizinan penyertaan. Informan kemudian ditanya soalan-soalan berkaitan seperti maklumat asas diri, bantuan kerajaan yang diterima, pendedahan terhadap ekonomi gig, serta teknologi dan peranti yang dimiliki. Soalan bagi menjawab persoalan kajian turut meliputi sikap dan penerimaan terhadap ekonomi gig, pandangan mengenai isu, cabaran, dan halangan menyertai ekonomi gig, serta sebarang cadangan untuk memajukan bidang ini. Pendekatan ini selari dengan teori fenomenologi, yang memberikan kebebasan kepada informan bagi membina naratif mereka, khususnya berkaitan ekonomi gig (Arsel & Thompson, 2011; Tay, Hidayah & Lim, 2024).

Selain daripada data primer yang dikutip melalui temu bual kumpulan berfokus, kajian ini turut memanfaatkan data sekunder sedia ada. Analisis kandungan digunakan dengan memberi tumpuan kepada beberapa dokumen kerajaan seperti RMKe-12, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, Ucapan Bajet 2024 oleh Menteri Kewangan, laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia seperti Laporan

Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2022, dokumen Ekonomi Madani, jurnal, laporan oleh World Bank dan dokumen lain yang bersesuaian.

DAPATAN KAJIAN

Sebagaimana dinyatakan, kajian ini berhasrat untuk menjawab beberapa persoalan, iaitu: i) meninjau dan mendapatkan perspektif kumpulan miskin tegar terhadap sikap serta penerimaan mereka terhadap rancangan kerajaan untuk memajukan dan memanfaatkan ekonomi gig di Malaysia, ii) mendapatkan input daripada kumpulan miskin tegar berhubung isu dan halangan yang mereka hadapi, terutamanya dalam melibatkan diri dalam ekonomi gig, dan iii) meneliti sebarang cadangan daripada kumpulan ini terhadap usaha kerajaan memajukan sektor ini sebagai pemacu bagi menghapuskan kemiskinan. Maklumat berkaitan informan yang mengambil bahagian dalam temu bual kumpulan berfokus ini ditunjukkan di Jadual 1.

Jadual 1

Profil informan daripada kumpulan miskin tegar terlibat dalam temubual kumpulan berfokus

Kod Informan	Latar Belakang Pekerjaan Sekarang	Bantuan diterima daripada kerajaan
FZ Perempuan Melayu Islam 40 tahun Pendapatan RM3,001-RM4,000	Tukang jahit	Baitul mal RM1000-RM5000 untuk bantuan membeli peralatan perniagaan
MAH Perempuan Melayu Islam 58 tahun Bawah RM1,000	Menyediakan perkhidmatan e-hailing/transport - hantar dan ambil orang	Tidak menerima apa-apa bentuk bantuan daripada kerajaan
RMZ Perempuan Melayu Islam 35 tahun Bawah RM1,000	Berniaga	Baitul mal - asnaf RM500 sebulan
SMZ Perempuan Melayu Islam 58 tahun Tiada pendapatan	Suri rumah sepenuh masa – tetapi secara sambilan membuat kuih muih dan dihantar ke kedai orang/ pasar tani, suami terlibat dengan kerja pandai besi lain seperti membuat parang dan pisau	Baitul mal RM500 sebulan
SZ Perempuan Melayu Islam 44 tahun Bawah RM1,000	Berniaga	Baitul mal
RMY Perempuan	Berniaga – bekul karipap sejuk beku	Tiada maklumat

Melayu Islam 50 tahun Bawah RM1,000		
--	--	--

Sumber: Kajian Lapangan, 2024

Selaras dengan objektif kajian, perbincangan terhadap dapatan telah dibahagikan kepada tiga seksyen utama. Pertama, membincangkan sikap dan penerimaan informan terhadap idea untuk memajukan ekonomi gig. Kedua, pandangan informan mengenai isu, cabaran, dan halangan dalam menyertai ekonomi gig. Ketiga, cadangan yang diberikan oleh informan. Perbincangan dapatan kajian dimulakan dengan penerimaan dan sikap informan, diikuti dengan dua seksyen seterusnya.

Objektif Kajian 1 - Sikap dan Penerimaan Terhadap Ekonomi Gig

Bagi menjawab persoalan kajian ini, iaitu sikap dan penerimaan informan terhadap ekonomi gig, secara umumnya ia didapati amat positif. Sebagai contoh, Informan FZ menyatakan minatnya untuk menyertai dan menggunakan platform digital yang akan disediakan oleh pihak kerajaan. Beliau menjelaskan bahawa pengalaman beliau sebagai tukang jahit menunjukkan bahawa ekonomi gig mampu memberikan pendapatan tambahan, sekali gus membantu meningkatkan hasil perniagaan yang dijalankan. Pekerjaan gig juga dianggap bermanfaat kerana memberikan fleksibiliti kepada individu yang terlibat. Hal ini amat penting bagi beliau, yang kini menjalankan perniagaan sepenuh masa dari rumah setelah terpaksa menutup kedainya akibat cabaran semasa pandemik COVID-19. Pernyataan ini disokong oleh kenyataan beliau semasa sesi temu bual, seperti berikut:

“Saya nak kemajuan diri mengubah taraf hidup keadaan sekarang lah..
Perniagaan menambah pendapatan. Kaedah ini juga saya dapati memberikan
saya fleksibiliti (Informan FZ)”

Sikap dan pandangan positif terhadap ekonomi gig turut disokong oleh Informan RMZ, yang menyatakan minatnya untuk turut serta dengan matlamat “Untuk lagi majulah daripada sekarang.” Sementara itu, Informan MAH berpendapat bahawa ekonomi gig akan memberikan peluang kepada beliau untuk meningkatkan pengetahuan serta memajukan diri dan keluarga. Apabila ditanya sama ada mereka berminat untuk memanfaatkan platform digital yang bakal diperkenalkan oleh kerajaan bagi mempromosikan ekonomi gig, Informan FZ menyatakan dengan tegas, “Saya berminat.” Menurut beliau, matlamat utama melibatkan diri dalam platform ini adalah untuk mengubah taraf hidup ke tahap yang lebih baik pada masa hadapan berbanding sekarang. Beliau turut memberikan kenyataan berikut:

“Saya nak kemajuan diri mengubah taraf hidup keadaan sekarang lah...
Perniagaan menambah pendapatan” (informan FZ)

Bagi Informan MAH pula, minat beliau terhadap usaha kerajaan memajukan ekonomi gig adalah berdasarkan keinginannya untuk menambah ilmu pengetahuan. Beliau penuh yakin dan percaya bahawa dengan ilmu pengetahuan baharu yang akan diperolehi, ia dapat membawa beliau lebih maju ke hadapan, khususnya untuk bersaing secara lebih kompetitif. Kenyataan beliau berikut mendokong penerimaan terhadap aspek ini:

“Amat-amat berminat untuk pengetahuan kita supaya kita ni lebih ke depan kan
lebih tahu hal-hal dunia hal-hal negara semua lah sekali” (informan MAH)

Pendapat ini turut disokong oleh Informan RMZ, yang berharap rancangan kerajaan ini dapat membantu beliau untuk lebih maju pada masa hadapan. Beliau dipetik berkata, “Untuk lagi majulah daripada sekarang” (Informan RMZ). Pandangan serupa juga dikemukakan oleh Informan SZ, yang berpendapat bahawa ekonomi gig akan membantu meningkatkan kemajuan diri serta keluarga. Kenyataan beliau adalah, “Ialah untuk kemajuan diri, keluarga” (Informan SZ).

Objektif Kajian 2 - Isu, Cabaran dan Halangan

Informan FZ turut menambah bahawa kadar capaian internet, terutamanya di kawasan bandar, pinggir bandar, dan luar bandar kini jauh lebih baik. Menurut beliau, hal ini adalah hasil usaha bersungguh-sungguh kerajaan dengan sokongan syarikat telekomunikasi dalam memberikan akses internet yang lebih baik di seluruh negara. Justeru, bagi beliau, tidak wajar jika internet dijadikan halangan untuk terlibat dalam perniagaan menggunakan platform digital. Beliau mengemukakan pendapatnya seperti berikut:

“Bagi saya lah pendapat saya rata-rata rumah yang ada sekarang semua ada kemajuan dah ada internet, jadi tak ada kekangan tak ada masalah haa bagi sayalah” (Informan FZ)

Sungguhpun mengakui bahawa mungkin tiada halangan dari segi infrastruktur seperti kemudahan telefon pintar atau internet, Informan MAH berpendapat bahawa mereka mungkin kekurangan kemahiran menggunakan platform digital. Oleh itu, beliau menekankan pentingnya latihan diberikan, terutamanya kepada golongan miskin tegar yang mempunyai tahap pendidikan rendah dan sederhana. Beliau menyatakan pandangannya seperti berikut:

“Digalakkan lagi, beri kemahiran yang lebih dalam pada penduduk penduduk yang terutama macam kami ni lah PPR haa yang miskin tegar ni banyak lagi di bandar ni” (Informan MAH)

Meskipun secara umumnya tiada halangan utama dalam melibatkan diri dalam ekonomi gig, Informan FZ berpendapat bahawa sebagai usahawan, cabaran terbesar yang perlu dihadapi adalah persaingan. Situasi ini menjadi lebih ketara apabila persaingan berlaku antara usahawan yang menawarkan produk yang sama atau hampir serupa. Oleh itu, beliau menegaskan pentingnya setiap usahawan mencari kelebihan atau kepakaran masing-masing, terutamanya dalam menghadapi dunia perniagaan yang semakin sengit hari ini. Beliau menyampaikan pendapat ini semasa sesi temu bual kumpulan berfokus seperti berikut:

“Cabaran yang saya nampak lah ya bila berniaga ni mesti ada cabaran saingan aa persaingan, jadi contoh si A jual karipap B pun jual C pun jual dalam tu ada persaingan haa jadi kita kena ada satu aa maksudnya bukanlah kelemahan kita kena cari kelebihan yang kita ada contoh si A karipap sardin, okay apa kelebihan karipap sardin ni dengan karipap sardin ni ada perbezaan lah kita kena buat tu lah supaya tak ada cabaran yang orang kata penilaian tu terlalu besar” (Informan FZ)

Apabila ditanya sama ada beliau berhadapan dengan halangan untuk menyertai perniagaan menerusi platform digital, Informan FZ menyatakan bahawa beliau tidak merasakan terdapat sebarang halangan. Beliau menjelaskan bahawa pada masa ini, beliau sudah menggunakan platform digital bagi memperkenalkan dan mempromosikan perniagaan jahitannya. Hal ini menunjukkan bahawa penerimaan Informan FZ terhadap rencana kerajaan ini adalah amat positif, kerana ia bakal membuka lebih banyak peluang bagi menembusi pasaran yang lebih besar. Beliau menyatakan pendapatnya seperti berikut:

“Aa secara jujur saya rasa saya tak ada halangan sebab sekarang ni pun saya masih menggunakan platform aah dekat facebook untuk memperkenalkan perniagaan saya lepas tu saya pun ada buat masuk macam majalah dot.com dalam google untuk memperkenalkan perniagaan saya dan saya masuk google map jadi saya guna platform yang ada” (Informan FZ)

Isu Penghantaran Produk

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh informan yang ditemu bual adalah kos penghantaran produk kepada pelanggan. Apabila ditanya sama ada beliau pernah menggunakan kaedah perniagaan secara dalam talian, Informan RMY menjelaskan bahawa beliau pernah mencuba tetapi menghadapi masalah penghantaran. Beliau menyatakan bahawa kos penghantaran yang amat tinggi sering menjadi cabaran utama, kadang-kadang kos tersebut dua kali ganda lebih tinggi daripada modal, yang tentunya menjejaskan margin keuntungannya. Oleh itu, beliau kini hanya memasarkan produknya secara terus kepada pelanggan. Beliau menyatakan perkara ini seperti berikut:

“Bukan tak pernah cuba saya ni masalah penghantaran, satu penghantaran...Selalunya saya pergi kelas dan saya ada kursus ke saya bawa je, kadang kadang saya ada saya belajar mengaji ke” (Informan RMY)

Kekhuatiran utama melibatkan penghantaran adalah terkait dengan isu kos yang semakin tinggi, di mana kadang-kadang kosnya lebih tinggi berbanding harga barang. Oleh itu, informan berpendapat bahawa isu ini wajar diberikan perhatian oleh pihak kerajaan sekiranya mahu memastikan ekonomi gig benar-benar berjaya dan membantu usahawan daripada kelompok miskin tegar menikmati hasil secara adil. Informan RMY berkata, “Charge dia tinggi daripada makanan.” Informan SMZ pula menambah bahawa isu penghantaran merupakan cabaran paling utama baginya. Beliau menjelaskan, “Masalah saya kat situ je, masalah saya kat situ barang saya sebenar tak mahal sangat tetapi charge pada penghantaran tu sebabnya bila dah mahal tu customer cancel.” Informan SZ juga berkongsi pandangannya, bahawa harga sekarang melonjak tinggi akibat COVID-19. Menurut beliau, “Dulu murah tau sekarang mahal.” Informan SMZ turut menyatakan, “Dulu ada sekarang tak ada, paling tinggi pun tujuh ringgit.”

Bencana Alam

Satu lagi cabaran dalam perniagaan yang berpotensi mengganggu operasi adalah apabila berlaku bencana alam seperti hujan lebat. Hujan bukan sahaja menghalang operasi kedai bagi peniaga yang berniaga di warung tepi jalan atau pasar malam, tetapi juga menjejaskan tempahan dan menyukarkan perkhidmatan penghantaran bagi perniagaan dalam talian. Pendapat ini disuarakan oleh Informan SZ, MAH, RMY, dan RMZ.

“Macam ekonomi pun ye juga kalau orang dah jarang dah nak beli beli kat luar ni haa ekonomi pun mainkan peranan juga lah” (informan RMZ)

Sungguhpun cabaran ini tidak berkait secara langsung dengan ekonomi gig, ia tetap memberikan sedikit halangan kepada informan dalam usaha mengembangkan perniagaan mereka.

Selain daripada harga barang yang semakin meningkat, satu lagi isu yang dihadapi oleh informan yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan ialah kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah, seperti minyak masak berpaket. Masalah ini berlaku kerana sekatan untuk membeli melebihi had yang ditetapkan, disebabkan mereka bukan peniaga yang menjalankan perniagaan di premis tetap, yang membolehkan mereka membeli lebih berbanding pelanggan biasa. Hal ini dinyatakan oleh Informan RMY.

“Minyak paket susah nak dapat kadang-kadang saya pakai minyak botol je, apa untung saya dapat kalau saya buat dengan kuih tu mahal, *customer* kata haih RMY mahal sangat kuih ni saya kena kecikkan” (Informan RMY)

Masalah ini menyebabkan beliau terpaksa menggunakan minyak masak berbotol meskipun harganya lebih tinggi, yang akhirnya menyebabkan keuntungan yang diperoleh menjadi lebih kecil. Informan RMY berkata, “Saya nak tak nak encik, saya kena pakai minyak botol lah brand Alif brand Alif lah tiga puluh lebih tiga puluh lebih lah tapi saya dapat macam buka kata tak untung meniaga tu untung tapi saya dapat sikit.” Beliau juga menjelaskan bahawa beliau tidak menaikkan harga kerana tidak sampai hati untuk berbuat demikian. Beliau menyatakan:

“Kalau saya, kalau saya buat, saya naikkan harga tu kesian pula pada keluarga yang orang kata yang yang ramai anak ni, so nak tak nak saya kena kecik kan kuih saya” (Informan RMY)

Objektif Kajian 3 - Cadangan

Hasil daripada sesi temu bual kumpulan berfokus yang telah dijalankan, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh para informan. Pertama, pendedahan, promosi, dan sesi libat urus bersama kumpulan masyarakat terpinggir seperti miskin tegar, miskin bandar, asnaf, Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal, dan Orang Asli hendaklah dilaksanakan. Satu inisiatif menyeluruh yang melibatkan pelan komunikasi komprehensif perlu dirangka dan dilaksanakan dengan penetapan garis masa tertentu. Rakyat, terutamanya golongan sasaran, perlu didedahkan dengan maklumat berkaitan ekonomi gig, termasuk cara pelaksanaannya dan, yang paling utama, bagaimana ekonomi gig dapat membantu mengupayakan masyarakat. Maklumat tentang cara untuk melibatkan diri dalam ekonomi gig juga perlu disediakan menerusi pelan komunikasi ini. Pendapat ini selari dengan pandangan yang diberikan oleh Informan FZ, yang berkata:

“Dia kena *expose* kan dulu saya rasa apa tu pertama kali iklan kat TV ataupun pendedahan macam ni aa *weekend* aa pendedahan kepada rakyat. Turun ke bawah padang untuk bagi penerangan”

Cadangan kedua, Informan FZ mencadangkan supaya bahan penerbitan seperti risalah dan infografik disediakan untuk menerangkan inisiatif ini secara ringkas. Beliau berpendapat kaedah ini lebih berkesan berbanding penyampaian maklumat dalam bentuk konvensional yang menggunakan ayat panjang lebar. Infografik yang menarik dapat meningkatkan minat informan untuk memahami dan meneroka maklumat yang ingin disampaikan.

Seterusnya, Informan RMY mencadangkan agar kerajaan, khususnya melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan, mempertimbangkan pemberian kad khas untuk membolehkan mereka membeli bahan bekalan perniagaan sebagaimana yang dinikmati oleh peniaga dengan kedai atau restoran. Beliau menjelaskan bahawa para peniaga kecil-kecilan dan peniaga dari rumah tidak mempunyai kelebihan ini, yang menyukarkan mereka mendapatkan bahan mentah seperti tepung, minyak berpakat, dan lain-lain. Situasi ini menjejaskan operasi perniagaan kecil-kecilan mereka. Informan RMY menyatakan perkara ini seperti berikut:

“Sepatutnya kan untuk orang meniaga ni bagi macam *special* sikit, konon kita ada kad, mengatakan kita ni peniaga dia boleh kita katakan selalu beli gula atau tepung dapat satu ke dua macam kita ni meniaga boleh dapat tiga bermakna tiada pergaduhan kat *cashier* kaunter tu” (informan RMY)

Cadangan terakhir yang dikemukakan oleh peserta temu bual kumpulan berfokus adalah mengenai keperluan menyediakan platform untuk latihan. Hal ini dianggap penting terutamanya bagi meningkatkan kemahiran, yang sekali gus dapat membantu mengembangkan perniagaan mereka. Informan FZ dipetik sebagai berkata, “Lagi satu aa bila kita platform ni of course dia ada pembahagian aa kemahiran atau perkhidmatan jahitan makanan aa pertukangan, why not kalau dalam tiga bulan sekali pilih mana-mana cara perniagaan perniagaan tu hantar untuk kursus orang kata menambah baikkan lagi apa nama kemahiran dia.”

RUMUSAN

Kajian ini berpaksikan kepada tiga objektif utama. Pertama, meninjau sikap dan pandangan kumpulan rentan, iaitu miskin bandar, terhadap usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi gig di negara ini secara lebih meluas dan agresif. Kedua, meneliti isu, halangan, dan cabaran yang dihadapi mereka. Ketiga, mencadangkan langkah-langkah yang wajar diberi perhatian oleh kerajaan.

Rumusan bagi objektif pertama menunjukkan bahawa semua informan bersetuju dan mengalu-alukan langkah kerajaan untuk membangunkan ekonomi gig secara lebih berstruktur. Mereka berpandangan bahawa ekonomi gig, selain memanfaatkan teknologi maklumat, memberi peluang kepada kumpulan seperti mereka untuk meningkatkan pendapatan, sekali gus membantu usaha kerajaan dalam membasmi kemiskinan.

Berhubung isu, halangan, dan cabaran, terdapat beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Pertama, akses kepada internet, khususnya di kawasan pedalaman. Mereka menegaskan bahawa ekonomi gig akan terbantut sekiranya isu asas seperti rangkaian internet dan infrastruktur tidak diselesaikan. Kedua, meskipun mempunyai akses kepada internet dan peranti, kemahiran dalam memanfaatkan ekonomi gig masih terhad. Isu kemahiran yang rendah dilihat sebagai penghalang utama terhadap hasrat ini. Persaingan juga merupakan cabaran besar, terutamanya dengan peningkatan populariti perniagaan dalam talian dan pelbagai aplikasi digital.

Satu lagi isu adalah caj penghantaran yang tinggi oleh pihak “runner,” yang meningkatkan kos dan mengurangkan keuntungan mereka. Selain itu, perniagaan dalam talian sering terkesan oleh bencana alam seperti hujan, yang boleh menjejaskan operasi. Kos bahan mentah, seperti gandum dan minyak masak, juga menjadi cabaran. Mereka tidak dapat menikmati keistimewaan membeli secara pukal di pasar raya seperti peniaga yang memiliki premis tetap, menyebabkan operasi mereka terjejas.

Mengambil kira isu-isu di atas, informan telah mengemukakan beberapa cadangan. Pertama, kerajaan dicadangkan untuk mempromosikan dan mengadakan kempen bersasar kepada masyarakat terpinggir, agar mereka sedar tentang kepentingan ekonomi gig. Kerajaan juga disarankan untuk memberikan insentif kepada mereka yang ingin menceburinya. Cadangan lain adalah penyediaan bahan penerbitan atau infografik ringkas yang menerangkan tentang ekonomi gig. Selain itu, informan mencadangkan supaya kad khas dikeluarkan untuk membantu mereka mendapatkan bahan mentah dengan lebih mudah. Cadangan terakhir adalah menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran.

Amatlah tepat usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi gig di negara ini. Ternyata, ekonomi gig yang diceburi secara sistematik, berstruktur, dan dirancang dengan teliti berpotensi untuk mengubah nasib dan kehidupan seseorang. Sungguhpun terdapat pandangan skeptikal terhadap masa depan ekonomi gig, usaha kerajaan Malaysia untuk menginstitusikan ekonomi gig mampu memartabatkannya.

PENGAKUAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan, sama ada daripada sektor awam, komersial, ataupun pertubuhan bukan berasaskan keuntungan. Walau bagaimanapun, ucapan terima kasih diucapkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ICU JPM, yang telah menyediakan maklumat peserta eKasih bagi kategori miskin tegar di daerah Kuala Lumpur. Terima kasih juga kepada para informan yang sudi terlibat dalam kajian ini, kerana kerjasama mereka telah memudahkan urusan kajian lapangan bagi tujuan dapatan primer penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, W.A.D. (2023, Ogos, 23). Contohi Inisiatif Global Wujud Platform Gig Bantu Miskin Tegar. *Berita Harian*.
<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20230823/281702619264607>
- Abraham, K. G., Haltiwanger, J., Sandusky, K. & Spletzer, J. (2019). The Rise of the Gig Economy: Fact or Fiction? *AEA Papers and Proceedings*, 109, 357-361.. <https://www.jstor.org/stable/26723970>
- Augustinraj, R., & Bajaj, S. (2021). Unlocking the potential of the GIG economy in India. *BCG, Michael & Susan Dell Foundation*.
- Angus R. (2019, November 26). *The "gig" picture: One-in-three Canadians have done some kind of informal work in the past five years*. Angus Reid Insitute, Vancouver. <https://angusreid.org/gig-economy/#:~:text=A%20new%20study%20from%20the%20non-profit%20Angus%20Reid,the%20past%20five%20years%20%E2%80%93%20but%20aren%E2%80%99t%20now>
- Arsel, Z., & Thompson, C. J. (2011). Demythologizing consumption practices: How consumers protect their field-dependent identity investments from devaluing marketplace myths. *Journal of Consumer Research*, 37(5), 791-806.
- Astro Awani. (2023). DOSM Keluarkan Laporan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2022. Dipetik daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dosm-keluarkan-laporan-survei-pendapatan-perbelanjaan-isi-rumah-malaysia-2022-430117>.
- Berma, M. (2023, 16 Jun). Kemiskinan Bukan Untuk Diwarisi. [Kertas Kerja]. Konvensyen Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat. Universiti Teknologi MARA, Kampus Merbok, Kedah.
- Bernama. (2020, Jun 8). PENJANA: Sokongan Padu Kepada PKS dan Rakyat. Bernama. https://bernama.com/bm/ekonomi/news_penjana.php?id=1848387.
- Bourgignon, F. (1999, Februari 2-3). Absolute Poverty, Relative Deprivation and Social Exclusion. [Kertas Kerja Dibentangkan]. Workshop on the World Development Report. DES, Berlin, Jerman. <https://gdsnet.org/BourgignonRelativeDeprivation.pdf>.
- Bracha, A., & Burke, M. A. (2023, November 29). Informal Work and Official Employment Statistics: What's Missing? (Kerta Kerja Dibentangkan). FRB of Boston Working Paper No. 23-15, SSRN: <https://ssrn.com/abstract=4647669> or <http://dx.doi.org/10.29412/res.wp.2023.15>
- Brinkley, I. (2016). In Search of the Gig Economy. The Work Foundation. Dipetik daripada [https://www.lancaster.ac.uk/media/lancaster-university/content-assets/documents/lums/work-foundation/reports/407_In-search-of-the-gig-economy_June2016_Access\(1\).pdf](https://www.lancaster.ac.uk/media/lancaster-university/content-assets/documents/lums/work-foundation/reports/407_In-search-of-the-gig-economy_June2016_Access(1).pdf).
- Business Today. (2022, December 10). Gig Economy in Malaysia: Transforming the Labour Landscape and Promoting Decent Work. <https://www.businesstoday.com.my/2022/12/10/gig-economy-in-malaysia-transforming-the-labour-landscape-and-promoting-decent-work/>
- De Stefano, V. M. (2016). The rise of the 'just-in-time workforce': on-demand work, crowd work and labour protection in the 'gig-economy'. *Comparative Labor Law and Policy Journal*, 37(3), 471-504.
- Estlund, C. (2018). What Should We do After Work? Automation and Employment Law. *The Yale Law Journal*, 128(2), 256-326.

- Frenken, K., & Schor, J. (2019). Putting the sharing economy into perspective. In *A Research Agenda for Sustainable Consumption Governance* (pp. 121-135). Edward Elgar Publishing.
- Glavin, P., Bierman, A., & Schieman, S. (2021). Über-alienated: Powerless and alone in the gig economy. *Work and Occupations*, 48(4), 399-431.
- Gordon, D. (2006). The Concept and Measurement of Poverty. Dalam *Poverty and Social Exclusion in Britain* (29-70). Policy Press.
- Hyman, L. (2018). Temp: How American Work, American Business, and the American Dream Became Temporary.
- Ibrahim, A. (2023a, Julai 27). Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat [Teks Ucapan]. Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/07/teks-ucapan-ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>.
- Ibrahim, A. (2023b, September 11). Pembentang Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas. Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera Dan Berpendapatan Tinggi [Teks Ucapan]. Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/09/teks-ucapan-pembentangan-usul-kajian-separuh-penggal-rancangan-malaysia-kedua-belas-2021-2025-oleh-perdana-menteri-yab-dato-seri-anwar-bin-ibrahim/>.
- ICU JPM. (2023). *Statistik eKasih Sehingga 15 September 2023*. <https://www.icu.gov.my/?pg=perkhidmatan&type=sejahtera&list=s06>.
- ICU JPM. (2024). Maklumat eKasih. <https://ekasih.icu.gov.my/Pages/Default.aspx>
- Jamil, N. & Che Mat, S.H. (2020). Kemiskinan Pelbagai Dimensi Berwajaran. *Journal of Economics and Sustainability*, 2(1), 1-14.
- Kenney, M., & Zysman, J. (2016). The rise of the platform economy. *Issues in science and technology*, 32(3), 61.
- Khan, J.A. (2023, November 7). How China's Digital Economy Helps Poverty Alleviation and What the World Can Learn from It. LinkedIn. <https://www.linkedin.com/pulse/how-chinas-digital-economy-helps-poverty-alleviation-what-khan>
- Koutsimpogiorgos, N., Van Slageren, J., Herrmann, A. M., & Frenken, K. (2020). Conceptualizing the gig economy and its regulatory problems. *Policy & Internet*, 12(4), 525-545.
- Lechman, E., & Popowska, M. (2022). Harnessing digital technologies for poverty reduction. Evidence for low-income and lower-middle income countries. *Telecommunications Policy*, 46(6), 102313.
- Lim, R. (2021, April 18). Gig Economy on the Rise. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/04/18/gig-economy-on-the-rise#:~:text=The%20gig%20economy%20is%20expected,generation%20who%20are%20technology%2Dsavvy>
- Manyika, J., Lund, S., Bughin, J., Robinson, K., Mischke, J. & Mahajan, D. (2016, October 10). Independent Work: Choice, Necessity and the Gig Economy. McKinsey Global Institute. <https://www.mckinsey.com/featured-insights/employment-and-growth/independent-work-choice-necessity-and-the-gig-economy>.
- Mishra, U. (2023, August 4). New lease of life for gig economy. Fortune India. www.fortuneindia.com. <https://www.fortuneindia.com/enterprise/new-lease-of-life-for-gig-economy/113925>
- PBB. (2023). *Sustainable Development Goals*. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. <https://sdgs.un.org/goals>.
- PCari. (2023). *Services*. PCari. <https://gigs.pcari.my/>.
- PERKESO. (2023a). *Program Dana Padanan Caruman Ekonomi Gig Platform (PenjanaGig)*. <https://www.perkeso.gov.my/en/186-penjana.html>.
- PERKESO. (2023b). *Program KerjayaGig*. PERKESO. <https://www.perkeso.gov.my/pemerksa.html>.
- Ravallion, M. (1992). Poverty Comparisons: A Guide to Concept and Methods (English). Living Standards Measurement Study (LSMS) working paper, no. LSM 88 Washington, D.C.: The World Bank.

- <http://documents.worldbank.org/curated/en/290531468766493135/Poverty-comparisons-a-guide-to-concepts-and-methods>
- Siwar, C., & Ismail, K.I. (2019). Cabaran Pensasaran Kemiskinan: Pengajaran Daripada Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Implikasi Terhadap Golongan B40. Dalam Chamhuri Siwar, Mohd Azlan Shah Zaidi & Norizan Abdul Razak (Pnyt.). *Pemeriksaan B40: Kesejahteraan Strategi dan Implikasi Sosioekonomi* (Hlm. 294-303). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stanford, J. (2017). The resurgence of gig work: Historical and theoretical perspectives. *The Economic and Labour Relations Review*, 28(3), 382-401.
- Tay, K. X., Nordin, N. H., & Lim, L. X. (2024). Exploring The Views of Malaysian Hoteliers About Survival During the Covid-19 Pandemic. *Journal of Economics and Sustainability*, 6(1), 62-77. <https://doi.org/10.32890/jes2024.6.1>
- Uchiyama, Y., Furuoka, F., & Akhir, M. N. M. (2022). Gig workers, social protection and labour market inequality: Lessons from Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 56(3), 165-184. <http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2022-5603-09>.
- Van Dijck, J., Poell, T., & De Waal, M. (2018). *The platform society: Public values in a connective world*. Oxford University Press.
- Wagle, U. (2002). Rethinking Poverty: Definition and Measurement. *International Social Science Journal*, 54(171), 155-165.
- WDI (2021). World Development Indicator 2021, World Bank.
- World Telecommunication/ICT Indicators database (June 2020 Edition), ITU, Geneva.
- World Bank. (2023, September, 7). Demand for Online Gig Work Rapidly Rising in Developing Countries. <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2023/09/07/demand-for-online-gig-work-rapidly-rising-in-developing-countries#:~:text=%E2%80%9COnline%20gig%20work%20could%20provide%20people%20in%20low-,can%20support%20increased%20labor%20market%20participation%20for%20women>
- Yaakob, H., Mohd Mahyideen, J., Mohamad Rusli, N.A., & Tukiran, N. (2020). Cabaran Kerjaya Ekonomi Gig dalam Industri Pekerjaan di Malaysia. Aspirasi FPP. Universiti Teknologi MARA. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/64972/1/64972.pdf>.
- Zhang, W., Zhao, S., Wan, X., & Yao, Y. (2021). Study on the effect of digital economy on high-quality economic development in China. *PloS one*, 16(9), e0257365.